

02 SEP 1999

Mahathir-Pilihan raya

MAHATHIR ELAK JAWAB SOALAN MENGENAI PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pemulihan ekonomi akan memberi kesan terhadap keputusan pilihan raya akan datang tetapi beliau masih mengelak, menjawab sama ada masanya kini sesuai untuk mengadakan pilihan raya.

"Ini memberi kesan terhadap pilihan raya, saya pasti," katanya pada persidangan berita selepas menyampaikan ucap tama pada Simposium Antarabangsa mengenai Kawalan Matawang dan Kerjasama Kewangan Asia di Hotel Nikko di sini.

Kerajaan mempunyai masa sehingga Ogos tahun depan untuk mengadakan pilihan raya umum tetapi banyak pihak percaya ia akan diadakan lebih cepat, seawal bulan ini.

Bagaimanapun Perdana Menteri menarik perhatian bahawa rakyat di kampung-kampung tidak begitu mengambil berat mengenai pemulihan ekonomi kerana "kita bernasib baik kemerosotan tidak menjejaskan penduduk di kampung-kampung kerana mereka mengeluarkan makanan sendiri. Mereka tidak terjejas dengan import."

Dr Mahathir berkata pekebun kecil di ladang-ladang kelapa sawit mendapat keuntungan daripada krisis ekonomi ini.

Ini kerana matawang Malaysia telah menurun nilainya dan mereka menjual dalam dollar Amerika dan memperolehi pendapatan yang lebih dalam ringgit.

"Jadi mereka gembira, mereka mengharapkan krisis ini akan berterusan. Memandangkan ia sudah berhenti, mungkin mereka tidak akan mengundi kerajaan," katanya dalam ketawa.

Ditanya mengenai gesaan Amnesty International supaya Malaysia mengkaji semula beberapa undang-undangnya yang mereka katakan telah menjejaskan hak asasi rakyat Malaysia, Perdana Menteri mempersoalkan keikhlasan kumpulan hak asasi manusia itu.

Antara lain beliau bertanya, kenapa kumpulan itu tidak menyatakan pendirian mereka terhadap pedagang matawang yang telah memiskinkan berjuta-juta manusia, menyebabkan mereka kehilangan pekerjaan lantas melakukan rusuhan, membunuh serta mencuri.

"Hak mereka untuk bekerja telah diragut pergi dan Amnesty International tidak berkata apa-apapun.

"Apa komen Amnesty International mengenai pengeboman berterusan terhadap Iraq, yang menyebabkan ramai rakyat tidak bersalah terbunuh, apakah mereka tidak mempunyai hak untuk hidup?" tanya beliau.

Dr Mahathir berkata jika Barat tidak sukakan pemimpin Iraq, mereka perlu mengambil tindakan terhadap beliau dan bukan membiarkan penduduk kebuluran dan kanak-kanak tanpa makanan dan perubatan, sedangkan itu hak mereka.

"Amnesty International tidak berkata apa-apa mengenai hal itu tetapi mereka boleh nampak Malaysia, kerana dari sejuta batu jauhnya mereka boleh melihat pelbagai perkara, seperti kata pepatah Melayu kuman di seberang laut boleh nampak, gajah di depan mata tak nampak," katanya.

Amnesty International, dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di ibu pejabatnya di London semalam telah menggesa Malaysia supaya mengkaji semula beberapa undang-undangnya dengan menuduh kerajaan telah menjejaskan hak asasi rakyat Malaysia.

Kenyataan itu antara lain berkata kerajaan Malaysia telah secara beransur menjejaskan perlindungan perlembagaan, melemahkan institusi-institusi penting dan menempatkan sebaris undang-undang terhad

yang menyekat penentangan dan perdebatan umum.

-- BERNAMA

AFY RON